



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 17 RABU 27 APRIL, 1966 1386 7 رابو 1386 PERCHUMA

LATEHAN KESELAMATAN

DI-ADAKAN DI-SELUROH BRUNEI PADA HARI INI

BANDAR BRUNEI. — Pasokan² Pulis Diraja Brunei dan Pasokan² Bersenjata akan mengadakan suatu latehan keselamatan dalam negeri di-seluruh negara pada hari ini.

Latehan tersebut, di-beri nama "LATEHAN ORANG HUTAN" akan di-mulai dari jam 7-30 pagi hingga ka-jam 4 petang.

MEMPEROLEHI DEGREE B.A.



Awang Abdul Rahman bin Mohamed Taib, B.A.

BANDAR BRUNEI — Awang Abdul Rahman bin Mohamed Taib, dari Negeri Brunei, telah berjaya memperolehi Degree "Bachelor of Arts" (Honours) dalam pengajian Melayu (Ilmu Bahasa) dari Universiti Malaya baru² ini.

Awang Abdul Rahman, ber-umur 23 tahun, ia-lah anakanda Awang Mohamed Taib bin Awang Besar, Penulong Setia Usaha Kerajaan Brunei.

Beliau ia-lah sa-orang pe-nuntut tua Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Awang Abdul Rahman telah melanjutkan pelajaran di-Uni-versiti Malaya atas beasiswa Kerajaan Brunei pada tahun 1963 dan telah memasoki pe-pereksaan bagi memperolehi Degree B.A. di-Universiti tersebut dalam bulan Januari tahun ini.

Jalan² raya akan di-tutup pada masa "Latehan Orang Hutan" itu di-jalankan. Ba-gaimana pun, orang ramai akan di-benarkan meneruskan pe-rjalanan mereka sa-lepas kad² pengenalan mereka di-pereksa oleh pehak² yang berkenaan.

"Latehan Orang Hutan" itu akan di-jalankan dengan tidak menyusahkan orang ramai, sunggoh pun Pasokan² Pulis dan Tentera akan di-lihat ber-gerak dari satu tempat ka-tempat yang lain.

Orang ramai ada-lah di-min-ta bekerjasama dengan pehak² yang berkenaan dan jangan-lah berasa takut ketika melihat Pasokan² Pulis dan Tentera bergerak pada masa di-adakan "Latehan Orang Hutan" itu pada hari ini di-seluruh Negeri Brunei.

Penulong Menteri Kebajikan Ma-sharakat dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang kelihatan dalam gambar ini semasa beliau tiba di-Amo, Daerah Temburong pada pagi hari Sabtu 16 April, 1966 untuk merasmikan pembukaan Balai Raya Amo.



PERJUMPAAN PANDU² PUTERI SA-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI—Pandu² Puteri dan Browni dari seluruh Negeri Brunei akan meng-adakan satu Perjumpaan di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada hari Sabtu 30 April, 1966 mulai dari jam 2 petang hingga ka-jam 5 petang.

Berbagai² jenis pertunjukan akan di-adakan di-temasha ter-sebut oleh Pasokan² Pandu Puteri, Browni, Palang Merah dan Pengakap².

Pancharagam Pulis Diraja Brunei akan bermain di-tema-sha tersebut. Orang ramai ada-lah di-jemput ka-Sekolah Me-layu Raja Isteri Fatimah pada petang hari tersebut.

Ini-lah kali yang pertama Pandu² Puteri dan Browni² dari seluruh negeri ini meng-adakan perjumpaan tersebut.

Tujuan di-adakan perjumpaan itu ia-lah untuk merapatkan perpaduan antara semua anak² perempuan yang berkhidmat dalam Pertubohan² Pandu Puteri dan Browni di-Negeri Brunei.



Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah

PENGELOLA RANCHANGAN BELIA KA-AMERIKA

BANDAR BRUNEI. — Pe-ngelola Ranchangan Belia Ne-geri Brunei, Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah akan ber-tolak menuju Singapura tengah hari ini dengan kapal terbang da-lam perjalanan-nya ka-Amerika Sharikat untuk men-jalani kursus pentadbiran belia di-sana atas perbelanjaan Ke-rajaan Brunei.

Awang Zulkiflie akan berada di-Amerika Sharikat sa-lama 4 bulan dan kursus itu akan di-adakan di-Ohio, atas anjoran Majlis Ranchangan Antara Bangsa untuk ketua² belia dan pekerja² kebajikan masha-rakat, Amerika Sharikat.

Kursus tersebut di-adakan ada-lah untuk pemimpin² belia dan pekerja kebajikan masha-rakat dalam perkara chara² mentadbirkan pusat belia dan pertubohan² belia.

Ketika di-temui semalam, Awang Zulkiflie, di-samping menyatakan kegembiraan-nya atas peluang itu, telah juga menyatakan hasrat-nya untuk memimpin belia² di-negeri ini ka-araf satu chita² ia-itu ber-guna untuk bangsa dan negara.

Kata-nya, "Segala pengalam-an dan pelajaran yang di-per-olehi dalam kursus itu nanti akan saya buat sa-bagai satu sandaran untuk menchapai chita² itu".

PERADUAN MENGARANG CHERPEN ANJORAN D.B.P. BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Penulis2 Cherita Pendek di-seluruh Negeri Brunei ada-lah di-jemput untuk mengambil bahagian dalam Peraduan Mengarang Cherpen anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Ini-lah kali yang kedua Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei menganjorkan Peraduan Mengarang Cherpen itu.

Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei telah menganjorkan Peraduan Mengarang Cherpen itu untuk Bacaan Kanak2 tidak berapa lama dahulu.

Peraduan tersebut telah pun di-sempurnakan dan hadiah2 untuk pemenang2 telah disampaikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada 8 April, 1966.

Peraduan Mengarang Cherpen anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei pada kali yang kedua ini, ada-lah di-kehendaki sesuai untuk bacaan golongan masyarakat yang berumur antara 10 tahun hingga 15 tahun.

PERATORAN2

Penulis2 yang mengambil bahagian dalam Peraduan Mengarang Cherpen ini hendaklah patoh kepada peratoran2 dan sharat2 yang berikut:—

PANJANG-NYA

1. Panjang-nya antara 1,000 hingga 1,500 perkataan.

BAHASA-NYA

2. Bahasa-nya hendaklah senang di-faham.

CHERITA-NYA

3. Cherita-nya hendaklah berlatarkan kehidupan Masyarakat Brunei hari ini atau kejadian2 sejarah Brunei yang dapat menggambarkan:

- (i) Semangat membentok peribadi yang baik.
- (ii) Semangat ingin menchapai ilmu pengetahuan yang tinggi.
- (iii) Semangat chintakan Tanah Ayer dan Bangsa.

Peraduan ini hanya terbuka kepada Warga-Negara Brunei.

Penulis2 yang hendak mengambil bahagian dalam peraduan ini boleh mengirimi-lebih dari satu cherpen.

KARANGAN ASLI

Karangan hendaklah asli (original) bukan terjemahan atau penyusunan (adaptation) dari karangan orang lain, dan belum pernah disiarkan di-mana2 pun.

Cherpen/cherpen2 hendaklah ditulis di-atas kertas biasa (kertas kajang) pada sa-belah muka sahaja. Jika menggunakan mesin tulis (taip) hendaklah di-taip dalam jarak dua barisan (double spacing) pada sa-belah muka sahaja.

Cherpen/cherpen2 hendaklah di-buat dalam tiga salinan tiap2 satu.

BORANG MASOK

Cherpen/cherpen2 untuk peraduan hendaklah di-hantar bersama *Borang Masok Peraduan Cherpen* dan di-alamatkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Nama penulis dan/atau nama samaran-nya (kalau ada) tidak boleh di-tulis pada naskah cherita.

Peraduan ini akan di-tutup pada 17 Julai, 1966.

PENGADILAN.

- (i) Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka akan melantik satu Jema'ah Pengadil.

- (ii) Keputusan Jema'ah Pengadil ada-lah mu'tamad.

HADIAH2.

Hadiah2 akan di-berikan kepada tiga cherpen yang terbaik dan empat cherpen penghargaan.

HAK CHIPTA.

- (i) Hak chipta penulis2 cherpen yang mendapat hadiah dalam peraduan ini akan terserah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

- (ii) Naskah cherpen2 yang tidak berjaya akan di-pulangkan kepada penulis-nya dan dengan demikian hak chipta-nya terpulangkan kepada penulis itu.

PERINGATAN.

Jema'ah Pengadil dan kakitangan2 Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei tidak di-benarkan memasoki peraduan ini baik sa-chara langsung atau pun tidak langsung.

Keputusan Peraduan2 Sajak dan Cherpen Anjoran ASTERAWANI

BANDAR BRUNEI — Ramai penulis2 tempatan telah mengambil bahagian dalam Peraduan Menulis Sajak dan Mengarang Cherpen yang telah di-langsungkan dalam bulan Oktober tahun 1965 di-bawah anjoran Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei.

Keputusan-nya yang di-umumkan di-Majlis Peraduan Bahath anjoran Persatuan ASTERAWANI di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada petang hari Juma'at yang lalu ada-lah seperti berikut:—

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 27 April hingga ka-hari Selasa 3 Mei, 1966, ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
27	12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09
28	12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09
29	12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09
30	12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09
1	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07
2	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07
3	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Jadual Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Rancangan Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei (Sharahan dan Wayang Gambar) bagi bulan Mei, 1966 ada-lah seperti berikut:—

- 2 Mei — Balai Raya Kampong Sungai Liang, Belait.
- 3 Mei — Balai Raya Kampong Lumut, Belait.
- 4 Mei — Di-Padang Sekolah Melayu Muhamad Alam, Seria.
- 6 Mei — Balai Raya Kampong Bukit Sawat, Belait.
- 7 Mei — Balai Raya Kampong Labi, Belait dan Sekolah Melayu Kampong Senukoh, Temburong.
- 8 Mei — Balai Raya Kampong Kuala Balai, Belait.
- 9 Mei — Padang Kechil, Kuala Belait.
- 10 Mei — Kampong Kota Batu (Rumah Ketua A. Haji Samad).
- 11 Mei — Kampong Mulaut

(Rumah Dato' Setiawan Haji Tinggal).

14 Mei — Pentas Pancharam, Jalan Subok, Bandar Brunei.

16 Mei — Sekolah Melayu Kiudang, Tutong.

17 Mei — Sekolah Melayu Kati Mahar, Jalan Tutong.

18 Mei — Sekolah Melayu Penanjong, Tutong.

21 Mei — Kampong Padang Bunut (Surau).

23 Mei — Kampong Puni, Temburong.

24 Mei — Kampong Bokok, Temburong.

25 Mei — Kampong Kenoa, Temburong.

28 Mei — Kampong Sengkuring "A" (Rumah Haji Metussin).

30 Mei — Kampong Saba Darat (Rumah Haji Seruddin bin Abdullah).

PERADUAN SAJAK

Pertama — Ibrahim bin Muhammad. Tajok-nya "Jalan Ujong dan Agong".

Kedua — M. Shahree Husaini. Tajok-nya "Akhir-nya Kembali Juga".

Ketiga — Ali bin Haji Md. Salleh. Tajok-nya "Sumbang-sihku".

Ke-empat — Muhammad Ali bin Abdul Razak. Tajok-nya "Pergelutan".

Peraduan tersebut di-hakimkan oleh Awang Abdul Aziz Juned, Awang Badaruddin bin Haji Othman dan Awang Ahmad bin Arshad.

PERADUAN CHERPEN

Pertama — Abdul Rahman bin Yusoff. Tajok-nya "Esok Lain Bichara".

Kedua — Ibrahim bin Muhammad. Tajok-nya "Perbualan Dua Intelek".

Ketiga — Awang Duming bin Abdul Wahab. Tajok-nya "Di-saberng Pagar Berduri".

Ke-empat — Seady bin Taib. Tajok-nya "Menunggu Hujan Tedoh".

Peraduan tersebut di-hakimkan oleh Awang Ibrahim bin

INSPEKTOR ABU ZAR

BALEK DARI KUALA KUBU

BERAKAS. — Inspektor Abu Zar bin Abu Bakar dari Pasukan Polis Diraja Brunei telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari Kuala Lumpur baru2 ini sa-lepas menghadiri Kursus Pegawai2 Kanan Polis di-Maktab Polis Diraja Malaysia di-Kuala Kubu, sa-lama tiga bulan.

Inspektor Abu Zar akan bertugas di-Kuala Belait sa-bagai Penolong O.C.P.D.. Demikian kata sa-orang Juruchapak Polis Diraja Brunei.

Mohd. Said, Awang Mahmud bin Bakry dan Awang Abdul Wahab bin Muhammad.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil, yang juga menjadi Penasehat Persatuan ASTERAWANI telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 tersebut.

MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN BARU HIJRAH BERJAYA

BANDAR BRUNEI. — Badan Penerangan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah menyambut kelahiran awal Tahun Baru Islam 1386 pada malam Juma'at 21 April, 1966 bersamaan 1 Muharam 1386 dengan mengadakan berbagai2 achara mulai jam 7.45 malam hingga ka-pertengahan malam bertempat di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei.

Majlis sambutan tersebut telah di-buka dengan resmi-nya oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Sambutan Awal Tahun Baru 1386 di-mulai dengan Bacaan Ayat2 Suchi Al-Koran oleh Dayang Aminah binte Siling. Kemudian Ustadz Awang Ali bin Haji Hussin telah melafadzkan Do'a Tahun Baru dan di-turuti dengan ucapan oleh Awang Abdul Salam bin Abdul Razak, Pengerusi Sambutan tersebut.

NASHID

Sa-lepas Dato Pengetua Jabatan Hal Ehwal Ugama merasmikan pembukaan majlis tersebut, sa-buah Nashid "*Selamat Datang Di-Awal Muharram*" telah di-sampaikan oleh Dayangku Jamilah binte Pengiran Matarsad dan rakan2-nya dari Sekolah Ugama Muhammad Alam, Setia di-bawah pimpinan Ustadz Abdul Kadir Awang.

Dua lagi Nashid telah dipersembahkan di-majlis tersebut, ia-itu oleh Dayang Khadijah binte Haji Muhammad dan rakan2-nya dari Sekolah Ugama Muhammad Alam, Setia dan oleh Dayang Aminah binte Siling yang telah menyuarakan nashid-nya berjodol, "*Nashidul Watanil Melayu*" ia-itu bererti "*Tanah Ayer Melayu*".

Dayang Maimunah binte Haji Hassan pula telah melafadzkan satu sharahan khas di-majlis tersebut.

KEMUNCHAK PERSEMBAHAN

Kemunchak dari persembahan2 yang telah di-adakan di-majlis tersebut ia-lah sa-buah Drama Purbawara, berjodol, "*Titisan Darah Terakhir*" ia-itu hasil susunan Awang Abdul Saman Kahar yang juga bertugas sa-bagai Pengarah Drama Purbawara itu.

Awangku Badaruddin bin Pengiran Haji Damit telah mengambil peranan sebagai Dato

Penglima; Awang Md. Daud bin Momin sebagai Kelana; Awang Sawas bin Jebat sebagai Wira dan Malai Hamidah S. Nikman sebagai Dang Siti.

PERADUAN SAJAK

Selain dari itu ramai wakil2 dari Persatuan2 dan Badan2 Persekolahan telah mengambil bahagian dalam Peraduan Membacha Sajak.

Keputusan-nya ada-lah seperti berikut: —

Johan — Awang Ilmi bin Awg. Ghafar dari Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai, Berakas Brunei (PERANGKAB).

Naib Johan — Awang Md. Daud Ibrahim dari Persatuan Ikatan Kampong Lorong Sekuna Brunei (IKLS).

Pemenang Ketiga — Dayang Norsiah Md. Yusof dari Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai, Berakas, Brunei.

Ke-empat — Dayangku Hairani binte Pengiran Muda Kahar dari Badan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei.

Kelima — Awang Ahmad Abu Bakar dari Persatuan Kampong Saba Brunei (PERKASA).

Johan Antara Pasokan2 — Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas, Brunei. **Naib Johan Antara Pasokan2** — Sekolah Menengah Melayu Pertama, Brunei.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam Peraduan Sajak tersebut.

FILEM KA-ANGKASA LEPAS

Sa-baik sahaja di-adakan majlis menyampaikan hadiah2 tersebut, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah mengadakan satu persembahan Tayangan Wayang Gambar di-Dewan Madrasah itu.

Di-antara filem2 yang ditayangkan itu ia-lah sa-buah filem dalam Bahasa Melayu yang menunjukkan penerbangan dua orang angkasawan Amerika ka-angkasa lepas dan perjalanan di-atas udara oleh sa-orang angkasawan itu.

Dato Pengetua Ugama Merasmikan Pembukaan Balai Muafakat Kampong Burong Pingai

KAMPONG BURONG PINGAI. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah merasmikan pembukaan Balai Muafakat Kampong Burong Pingai, Kampong Ayer, Brunei dalam satu majlis yang bersejarah di-kalangan penduduk2 kampong itu pada petang hari Khamis 21 April, 1966.

Balai Muafakat Kampong Burong Pingai itu telah di-bangunkan dengan sa-chara bergotong royong oleh penduduk2 Kampong Burong Pingai dengan bantuan dan sokongan yang berupa mata benda, wang, buah fikiran dan tenaga dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei, Persatuan PERANGKAB, Ketua Kampong Burong Pingai Brunei dan lain2-nya.

Pertunjukan Kanak2

BANDAR BRUNEI. — Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Bandar Brunei akan mengadakan satu pertunjukan kanak2 di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, pada hari Juma'at 29 April, 1966.

Juruchakap pertubuhan itu berkata bahawa satakat ini, lebih daripada 80 orang kanak2 sudah mendaftarkan nama untuk mengambil bahagian dalam pertunjukan tersebut.

Pertunjukan itu ada-lah di-bahagi kepada dua bahagian, ia-itu bahagian kanak2 yang berumur di-antara 6 dan 11 bulan, dan 12 bulan hingga 18 bulan.

Ini ada-lah kali yang kedua pertunjukan saumpama ini di-adakan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Bandar Brunei. Pertunjukan pertama ia-lah pada tahun lepas.

Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Timbalan Penaong pertubuhan tersebut Y.A.M. Pengiran Anak Siti Rafeah.

Beberapa orang telah memberikan ucapan yang berharga di-majlis tersebut. Di-antaranya ia-lah Awang Mohamed Rais bin Baneh, Pengerusi Majlis Pembukaan Rasmi dan juga Pengerusi Jawatan Kuasa Pembinaan Balai Muafakat, Kampong Burong Pingai, Brunei, Awang Tuah bin Ahmad, Setia Usaha Majlis tersebut; Awang Badaruddin bin Haji Othman, selaku Wakil Ketua Kampong Burong Pingai; Awg. Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, Yang Dipertua Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai, Brunei; Pengerusi Tetap Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Yang Mulia Awang Haji Mohamed Zain b. Haji Seruddin; Pengelola Pelajaran Dewasa Negeri Brunei, Awang Umar bin Muhammad dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Majlis itu di-mulai dengan Bacaan Kitab Suchi Al-Koran oleh Awang Md. Tahir bin Ja'afar dan di-akhiri dengan Bacaan Do'a Selamat oleh Awang Suhaili bin Mohiddin.

Sa-belum bersurai, para hadirin telah menikmati jamuan kueh dan minuman di-Dewan Balai Muafakat Kampong Burong Pingai.

Kursus Pertanian di-Pengkalan Batu

PENGKALAN BATU. — Satu Kursus Pertanian untuk ahli2 Persatuan Peladang Pengkalan Batu di-adakan di-Pengkalan Batu pada hari ini.

Kursus Pertanian itu, di-adakan di-bawah anjoran Jabatan Pertanian Negeri Brunei pada hari Ithnin 25 April, 1966.

Sa-lepas menghadiri kursus tersebut, peserta2 kursus itu akan melawat ka-Pusat Perchubaaan Pertanian di-Kilanas untuk menyaksikan dan mempelajari berbagai2 hal ehwal yang bersangkutan paut dengan pertanian di-Pusat Pertanian itu pada 30 April, 1966.

Ketua2 Jabatan Kerajaan Melawat Pusat Pertanian Shell di-Sinaut

SINAUT. — Empat orang Ketua2 Jabatan Kerajaan Brunei telah melawat ka-Pusat Pertanian Sharikat Minyak Shell Brunei di-Sinaut pada pagi hari Rabu 20 April, 1966. Mereka ia-lah Pesuruhjaya Kemajuan Negara, Awang J. Firth; Pesuruhjaya Tanah, Awang B. C. Cartland; Juru Ukur Negara, Awang N. C.

Peat dan Pegawai Kehutanan Negara, Awang C. G. Merton. Semasa lawatan ka-Pusat Pertanian tersebut, Ketua2 Jabatan itu telah di-bawa melihat seluruh kawasan pertanian tersebut oleh Ketua Projek Pertanian Shell, Awang C. H. Huddart dan Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Dato Paduka P. A. Coates.

Utamakan-lah
Bahasa Melayu
Bahasa Rasmi
Negara

BEBERAPA ORANG KANAK2 DI-BRUNEI DAN LIMBANG DI-DAPATI MENGIDAP PENYAKIT BUANG2 AYER

BANDAR BRUNEI. — Beberapa orang kanak2, kebanyakan-nya berumur ka-bawah dua tahun yang tinggal di-kawasan Bandar Brunei, Kuala Belait, Seria dan juga di-Limbang telah di-dapati baru2 ini mengidap penyakit buang2 ayer (diarrhoea) dan muntah.

Sa-kira-nya kanak2 yang mengidap penyakit tersebut di-bawa ka-ru-mah sakit untuk di-rawat dengan sa-berapa segera, mereka akan di-ubati dan akan sembuh.

RAYUAN PEGAWAI PERUBATAN NEGARA

Oleh itu, Pegawai Perubatan Negara, Dato Doktor P. I. Franks telah merayu kepada ibu bapa atau penjaga kanak2 yang di-dapati mengidap penyakit tersebut supaya kanak2 itu di-bawa ka-ru-mah sakit dengan sa-berapa segera untuk di-rawat.

Sa-bagai satu langkah untuk menchegehah penyakit tersebut daripada merebak, Dato Doktor Franks merayu kepada orang ramai supaya menutup semua makanan dan jangan-lah di-biarkan makanan itu di-hinggapi oleh lalat dan kuman2.

Dato Doktor Franks juga menasihatkan kepada orang ramai supaya masak semua ayer sa-belum di-minum atau pun di-gunakan untuk keperluan dalam rumah.

Penulong, Pesuroh Jaya Pengakap, Bahagian Latehan, Negeri Brunei, Awang Yahya bin Mohd. Yusof (tengah) telah menyampaikan Lenchana2 "Wood Badge" kepada lima orang Pegawai2 Pengakap di-temasha Perkhemahan Pengakap Daerah Brunei dan Tutong di-Muara baru2 ini.

Perkenalan dari kiri: Awang Metamit bin Iradat (Pemimpin Pengakap dari Daerah Tutong); Awangku Tajuddin bin Pengiran Ahmad (Pesuroh Jaya Penyusun Pengakap Negeri Brunei); Awang Yahya bin Mohd. Yusof; Awang Hassan bin Timbang dan Awang Shahrani bin Othman (kedua2-nya Pemimpin2 Pengakap dari Daerah Brunei). Sa-orang lagi Pemimpin Pengakap dari Daerah Brunei, Awang Mohamed Salleh bin Ibrahim yang telah menerima Lenchana "Wood Badge" itu tidak hadir semasa gambar ini di-ambil.

CHATETAN: Ini-lah kali yang kedua Pemimpin2 Pengakap dalam Negeri Brunei menerima Lenchana "Wood Badge" itu. Pemimpin Pengakap yang pertama sekali menerima Lenchana yang tertinggi itu dalam Pergerakan Pengakap ia-lah Awang Yahya bin Mohamed Yusof. Beliau telah menerima Lenchana itu di-Brunei dalam tahun 1964.

Kursus Latehan Pandu Puteri

BANDAR BRUNEI. — Beberapa orang Pandu Puteri telah meng-hadhiri satu Kursus Latehan selama tiga hari di-Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri di-Bandar Brunei baru2 ini.

Di-antara achara2 yang di-pelajari oleh Pandu2 Puteri itu samasa menghadhiri kursus tersebut ia-lah mengenai chara2 menggunakan peta, perusahaan tangan dan sa-bagai-nya.

2 Orang Sarjan Pulis Brunei Berlateh di-Luar Negeri

BANDAR BRUNEI. — Dua orang Sarjan Pulis dari Pasokan Pulis Diraja Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Kuala Lumpur pada hari Sabtu yang lalu untuk meng-hadhiri Kursus Pelateh2 Merinyu Pulis di-Maktab Pulis Diraja Malaysia di-Kuala Kubu.

Mereka ia-lah Sarjan Joseph Yong dan Sarjan Seruji bin Shukor. Kedua2-nya akan berlateh di-Maktab Pulis tersebut sa-lama tiga bulan.

Sementara itu, seramai 40 orang rekrut dari Pasokan Pulis Diraja Brunei pada masa ini

sedang menghadhiri satu kursus singkat di-Balai Pulis Penaga di-Seria.

Rekrut2 Pulis tersebut akan berangkat ka-Kuala Lumpur untuk berlateh di-Pusat Latehan Pulis Diraja Malaysia dalam bulan Mei hadapan selama tiga bulan.

Pada masa sekarang seramai 40 orang rekrut2 dari Pasokan Pulis Diraja Brunei sedang menghadhiri kursus latehan pulis di-Kuala Lumpur.

Mereka di-jadualkan balek ka-Brunei dalam bulan Jun tahun ini sa-lepas menghadhiri kursus tersebut sa-lama sembilan bulan.

Perkhemahan Pengakap di-Muara Memperolehi Hasil Yang Baik

BANDAR BRUNEI. — Penerusi Persekutuan Pengakap Negara, Awang Norman Bradbury telah merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap di-Pantai Peranginan Muara pada pagi hari Sabtu 23 April, 1966.

Lebeh daripada 300 orang Pengakap2 dari Daerah2 Brunei dan Tutong telah mengambil bahagian di-temasha perkhemahan tersebut.

Perkhemahan itu di-mulai pada hari Juma'at 22 April dan di-tamatkan pada hari Ahad 24 April.

Ini-lah pertama kali Pengakap2 dari Daerah2 Brunei dan Tutong berkhemah di-pantai peranginan tersebut.

Pesuroh Jaya Pengakap Daerah Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh, selaku Ketua Perkhemahan, telah menguchapkan berbilang2 terima kaseh kepada Awang Norman Bradbury atas kesudian beliau hadir di-Perkhemahan Pengakap tersebut untuk merasmikan pembukaan perkhemahan itu.

Dalam ucapan Awang Shahbudin, beliau telah juga menguchapkan terima kaseh kepada Pasokan2 Pengakap yang telah mengambil bahagian di-temasha Perkhemahan Pengakap tersebut.

Awang Bradbury berkata dalam ucapan-nya bahawa beliau berasa sukachita hadir di-temasha tersebut untuk merasmikan pembukaan-nya sam-bil menguchapkan terima kaseh kepada Pegawai2 Pengakap2, Pengakap2 dan lain2-nya yang telah bekerjasama untuk menjayakan temasha itu.

Awang Bradbury telah menguchapkan terima kaseh kepada Ketua Perkhemahan itu, Awang Shahbudin bin Saleh dan Pegawai2 Perkhemahan kerana telah memilih pantai peranginan Muara itu untuk berkhemah.

Beliau berharap sa-moga kawasan tersebut akan di-jadikan sa-bagai kawasan yang kekal untuk Perkhemahan Pengakap2

di-negeri ini pada masa akan datang kelak.

PERADUAN MENANGKAP ITEK

Temasha pembukaan rasmi Perkhemahan Pengakap tersebut di-akhiri dengan mengadakan Peraduan Menangkap Itek.

Itek itu telah di-lepaskan oleh Awang Bradbury di-laut. Ramai pengakap2 telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Pemenang-nya telah di-berikan hadiah itek yang ia tangkap.

UNGGUN API

Satu temasha Unggun Api telah di-adakan di-temasha Perkhemahan itu pada malam hari Sabtu 23 April.

Berbagai2 achara telah di-persembahkan di-temasha tersebut. Di-antara-nya ia-lah oleh beberapa orang Pengakap tempatan yang mengambil bahagian di-Perkhemahan Pengakap di-Bangkok, Thailand pada penghujung tahun yang lalu.

Temasha Perkhemahan Pengakap tersebut di-tutup dengan sa-chara rasmi oleh Pesuroh Jaya Pengakap Sa-Negeri Brunei, Awang Haji Ali Khan pada pagi hari Ahad 24 April. Ag. Hj. Ali Khan telah juga menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam berbagai2 peraduan yang telah di-adakan di-temasha Perkhemahan Pengakap tersebut.



PERADUAN BAHATH ASTERAWANI

Johan - PERKASA Naib Johan - BAKTI

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Kampong Saba Brunei (PERKASA) telah mengalahkan Persatuan Kesatuan Tunas Ibunda Brunei (BAKTI) dalam satu Peraduan Bahath yang hebat dengan 75.5 peratus melawan 73 peratus untuk merebutkan gelaran Kejohanan Peraduan Bahath anjoran Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada petang hari Juma'at 22 April, 1966.

Pemenang yang ketiga dalam Peraduan Bahath tersebut ialah Badan Bahath Tingkat Rendah Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Sa-belum di-adakan Peraduan Bahath Peringkat Terakhir itu, Peraduan Bahath Peringkat2 Permulaan dan Kedua telah di-langsungkan di-Rumah Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sungai Kedayan, Brunei dengan memperolehi sambutan yang baik dari kalangan Persatuan2 dan Badan2 Persekolahan Tempatan.

Uchapan2 telah di-lafadzkan

di-majlis Peraduan Bahath Terakhir itu oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil yang juga menjadi Penasehat Persatuan ASTERAWANI Brunei; Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dan oleh Yang Dipertua Persatuan ASTERAWANI, Awg. Liman bin Ahmad.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 Peraduan Bahath tersebut.

Johan Peraduan Bahath tersebut ia-itu Persatuan PERKASA telah memperolehi Perisai Rebutan yang di-hadiahkan oleh Yang Mulia Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin. Pemenang perisai itu dalam peraduan yang lalu ialah Persatuan BAKTI.

Naib Johan Peraduan Bahath itu, Persatuan BAKTI telah memperolehi Perisai Rebutan yang di-hadiahkan oleh Awang Zain Ariff. Pemenang perisai itu dalam peraduan yang lalu ialah Persatuan PATUH.

Doktor Pangkat Harahap, yang menjadi sa-orang Hakim dalam Peraduan Bahath tersebut, telah memberikan ulasan bagi pihak Hakim2 peraduan itu. Dua orang lagi yang menghakimkan Peraduan Bahath tersebut ia-lah Awang Azahari bin Haji Apong dan Awang Zain Ariff. Majlis peraduan itu di-pengerusikan oleh Awang Ahmad Hussin.

Persatuan BAKTI telah bertugas sebagai Penchadang dan Persatuan PERKASA bertugas sebagai Pembangkang.

Ahli2 Persatuan BAKTI: Awang Metusin bin Haji Serudin, Awangku Metasan bin Pengiran Muhammad dan

Awangku Badaruddin bin Pengiran Haji Damit.

Ahli2 Persatuan PERKASA: Awang Thani bin Muhammad, Awang Ibrahim bin Muhammad dan Awang Md. Yusof bin Muhammad.

Tajok perbahathan tersebut ia-lah, "Mundur-nya Persatuan2 Belia di-negeri ini, ada-lah di-sebabkan kelemahan pemimpin2-nya, bukan di-sebabkan ketiadaan wang persatuan-nya".

JEMA'AH2 HAJI BRUNEI BALEK DARI MEKAH 2 HARI LAGI

BANDAR BRUNEI — Kapal haji "Anshun" yang membawa jema'ah2 haji Brunei di-jangka tiba di-Pelabuhan Labuan dari Singapura pada hari Juma'at 29 April, 1966 dan bukan-nya pada 28 April, 1966 sa-bagaimana yang di-jadualkan terdahulu.

Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei berasa dukachita kerana tidak dapat melayani permintaan daripada keluarga jema'ah2 haji untuk menghantar dan menyambut jema'ah2 haji Brunei ka-Labuan di-sebabkan sa-suatu perkara yang tidak dapat di-atasi.

Peratoran2 yang di-nyatakan di-bawah ini akan di-jalankan semasa menyambut jema'ah2 haji Brunei: —


Kawasan Tambatan Kastam Di-Raja Bandar Brunei akan di-tutup kepada orang-ramai dan akan di-jadikan sa-bagai "Kawasan Larangan".

Orang-ramai hanya boleh di-benarkan masuk ka-dalam kawasan ini dengan syarat mereka mempunyai pass masuk.

Bagi tiap2 sa-orang jema'ah haji hanya di-benarkan sa-orang sahaja kaum keluarga mereka di-berikan pass masuk.

Kapada saudara-mara jema'ah haji yang ingin menyambut ketibaan jema'ah2 haji itu di-dalam kawasan Tambatan Kastam Di-Raja, mereka ada-lah di-pohonkan datang ka-Bahagian Urusan Haji, Pejabat Hal-Ehwal Ugama Brunei bagi mendapatkan pass masuk dari sekarang.

Ini-lah suatu pemandangan jalan raya yang besar untuk kegunaan kenderaan di-antara London dan Selatan Wales. — Gambar dengan ehsan Pusat Pejabat Penerangan, London.



JAWATAN - JAWATAN KOSONG:

Di-Jabatan Siaran Radio Dan Penerangan

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa dari mereka yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftar-kan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei: —

(1) OPERATOR TALIPON (Perempuan — satu jawatan).

Kelayakan2: — Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun serta berkelulusan darjah V Melayu atau Form I Inggeris atau kelayakan sebanding dengan-nya.

Gaji: — Dalam sukatan gaji E1 - 2 EB3 \$200x10 - 270/EB/280x10 - 330.

(2) PEMANDU KERETA/JURUTAYANG (satu jawatan)

Kelayakan2: — Pemohon2 mesti-lah tammat sekurang2-nya darjah V Melayu, mempunyai lesen memandu kereta dan tahu menggunakan alat2 seperti jentera wayang

gambar, pembesar suara dan generator. Satu ujian akan di-adakan bagi menentukan kecekapan pemohon2.

Gaji: — Dalam sukatan gaji D1 EB2 \$210x10 - 260/EB/270x15 - 360.

(3) JURUTAYANG (tiga jawatan).

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah telah tammat sekurang2-nya darjah V Sekolah Melayu dan tahu menggunakan alat2 seperti jentera wayang gambar, pembesar suara dan generator. Satu ujian akan di-adakan bagi menentukan kecekapan pemohon2.

Gaji: — Dalam sukatan gaji D1 EB2 \$210x10 - 260/EB/270x15 - 360.

Permohonan2 yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 7 Mei, 1966.

Pengelola Ranchangan Inggeris Di-Radio Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pengelola Ranchangan Inggeris di-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Kelayakan2 Persekolahan:

Sijil Persekolahan Seberang Laut atau pun kelayakan yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris.

Kelayakan2 Professional:

Mesti-lah mempunyai pengalaman dalam bidang siaran radio dalam mengadakan dan menyiarkan ranchana2 dalam bahasa Inggeris selama sekurang2-nya tiga tahun.

Chalon2 yang mempunyai kelayakan2 persekolahan yang sesuai serta berpengalaman sebagai ahli musik, pelakon atau penulis, sebagai ganti kepada kelayakan2 yang tersebut di-atas, akan juga di-pertimbangkan.

Chalon2 akan di-uji untuk menentukan sama ada mereka sesuai untuk jawatan ini.

Gaji:

Dalam sukatan mata wang Malaysia \$660x30 - 900. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Chalon yang berjaya akan di-lantek sebagai Pengelola Ranchangan Inggeris dan akan bertanggung jawab kepada Ketua Pengelola Ranchangan bagi mengeluarkan ranchangan2 untuk bahagian Inggeris.

Sharat2 Lantekan:

Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa per-chubaaan selama 6 bulan

yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 9 Mei, 1966.

Penolong Pengawal Setor2

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan kosong sebagai Penolong Pengawal Setor2 di-Pejabat Setor2 dan Perbekalan2 Negara, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman—

Pemohon2 mesti-lah berumur sekurang2-nya 25 tahun dan mempunyai kelayakan Senior Cambridge atau kelayakan yang lebih tinggi dan berpengalaman dalam kerja setor.

Gaji: — Dalam sukatan B2 \$1020x40 - 1620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan: — Sechra berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekiranya kedua2 pihak ber-setuju.

Di-Pejabat Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei: —

1. PENGETUA SEKOLAH UGAMA PEREMPUAN.

Kelayakan2 dan Pengalaman —

(a) Umor di-antara 30 tahun dan 45 tahun.

(b) Memegang Degree B.A. (Honours) atau setaraf dengan-nya dari mana2 University Islam yang di-akui;

(c) Mempunyai pengalaman di-dalam dunia pendidekan tidak kurang dari 5 tahun;

(d) Mempunyai pengalaman di-dalam pentadbiran persekolahan.

Gaji: — Dalam sukatan gaji \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

2. PENGETUA MAKTAB PERGURUAN.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Umor di-antara 30 tahun dan 45 tahun;

(b) Memegang Degree B.A. (Honours) atau setaraf dengan-nya dari mana2 University Islam yang di-akui;

(c) Mempunyai pengalaman di-dalam dunia pendidekan tidak kurang dari 5 tahun;

(d) Mempunyai pengalaman di-dalam pentadbiran persekolahan.

Gaji: — Dalam sukatan gaji \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung pada kebolehan dan pengalaman.

3. GURU SEKOLAH ARAB (PEREMPUAN).

Kelayakan2 dan Pengalaman—

(a) Umor di-antara 30 tahun dan 45 tahun;

(b) Memegang Ijazah dari mana2 University Islam yang di-akui atau pun me-

megang Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya;

(c) Keutamaan akan di-beri kepada pemohon yang mempunyai pengalaman dalam dunia pendidekan dan mempunyai Diploma Pendidekan.

Gaji: — Dalam sukatan gaji \$660x30 - 900 atau \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: — Bagi jawatan2 Pengetua Sekolah Ugama Perempuan dan Pengetua Maktab Perguruan, chalon2 yang di-pilih akan di-ambil perkhidmat sechra berkontrek selama tiga tahun.

Bagi jawatan Guru Sekolah Arab (Perempuan) Chalon2 yang di-pilih akan di-ambil berkhidmat sechra berkontrek selama tiga tahun termasuk masa enam bulan yang pertama sebagai dalam perchubaaan.

Baksis: — Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang dan lain2-nya, boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 26 Mei, 1966.

Pekerja Kebajikan

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi tiga jawatan kosong sebagai Pekerja Kebajikan di-Pejabat Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei.

Gaji: Dalam sukatan gaji D.1 - 2 - 3 EB.4 \$210x10 - 270x15 - 360x20 - 480/EB/500x20 - 620.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 35 tahun dan lulus sekurang2-nya Form II Inggeris atau tamat Darjah VII Sekolah Melayu.

Permohonan2 yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 9 Mei, 1966.

Baksis: — Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan: — Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang dan lain2-nya boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 19 Mei, 1966.

SOKAN DAN OLAH-RAGA

Oleh AWANG MD. HUSSAIN ZAINAL

PERLAWANAN Sokan Sekolah2 Menengah dan Maktab2 atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei tahun ini ada-lah tahun pertama dan di-jangka perlawanan ini akan di-jadikan satu daripada projek2 tahunan yang akan di-selenggara dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran, Brunei.

Perlawanan itu ada-lah terbuka kepada Sekolah2 Melayu Menengah dan Maktab2 Kerajaan, Sekolah2 Missi dan Sekolah2 Bantuan Kerajaan seluruh Negeri Brunei.

Tempat dan tarikh perlawanan pada tahun pertama ini di-jangka berlangsung pada 3 Jun, 1966, ia-itu hari Juma'at bertempat di-gelenggang Sokan Seria, mulai jam 1-30 petang. *Peratoran Menyertai perlawanan:*—

- (i) Peserta di-bahagikan kepada dua kumpulan ia-itu kumpulan Perempuan, Semua peserta tidak di-hadkan umur asalkan mereka masih menuntut.
- (ii) Tiap2 sa-buah persekolahan atau Maktab yang akan masuk berlawan hanya sa-orang peserta sahaja di-benarkan mengambil bahagian pada tiap2 sa-jenis perlawanan.
- (iii) Peratoran dan undang2 perlawanan ini terta'alok di-bawah undang2 Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei.
- (iv) Kenderaan, makan dan minum untuk peserta2 menghadhiri perlawanan ada-lah atas perbelanjaan pasukan masing2. Terkecuali untuk peserta2 dari Bandar Brunei, kenderaan akan di-sediakan.

Jenis Perlawanan.

(i) *Kumpulan Lelaki:*

1. Lari 100 metres; 2. Lari 200 metres; 3. Lari 400 metres; 4. Lari 800 metres; 5. Lari 1,500 metres; 6. Lari berganti2

Murid2 perempuan yang menang dalam perlumbaan ini di-temasha Sokan Sekolah Melayu Sengkurong baru2 ini kelihatan tersenyum, sungguh pun jarak perlumbaan itu jauh juga.



- 4x100 metres; 7. Lompat pagar 110 metres.
8. Lompat Bergalah; 9. Lompat Tinggi; 10. Lompat Jauh; 11. Lompat Kijang; 12. Lontar Lembing; 13. Lempar Piring Besi; 14. Buang Peluru Besi.

(ii) *Kumpulan Perempuan:*

1. Lari 100 metres; 2. Lari 200 metres; 3. Lari 400 metres; 4. Lari 800 metres; 5. Lari berganti2 4x100 metres; 6. Lompat Tinggi.
7. Lompat Jauh; 8. Lontar Lembing; 9. Lempar Piring Besi; 10. Buang Peluru Besi; 11. Lompat pagar 80 metres.

Untuk menentukan kejuaraan Sokan antara perlawanan tiap2 pasukan dari perwakilan sa-sabua sekolah: mata2 kemenangan akan di-jumlahkan dengan kiraan hitungan mata:

- (i) *Perlawanan Persaorangan:*
Pertama: Mendapat 3 mata.
Kedua: Mendapat 2 mata.
Ketiga: Mendapat 1 mata.
- (ii) *Perlawanan Berpasukan:*
Pertama: Mendapat 10 mata.
Kedua: Mendapat 7 mata.
Ketiga: Mendapat 5 mata.

Untuk mendapat Borang masuk dan perkara2 yang umum mengenai perlawanan ini, di-minta berhubung kepada Che'gu Md. Hussain bin Zainal, Penolong Penyusun Pendidikan Jasmani, Alamat Jabatan Pelajaran Brunei, Talipon No. 857 atau 511.

Pendaftaran masuk di-tutup pada hari Sabtu 14 Mei, 1966 jam 4-00 petang.

BOLA SEPAK

Pada 19 April, 1966: Perlawanan persahabatan antara Pasukan Pulis di-Raja Brunei

dengan Pasukan Persatuan Kampong Sumbiling, bertempat di-padang Bandar Brunei. Keputusan-nya Pasukan Sumbiling menang dengan 3 gol tidak berbalas.

Pada 21 April, 1966: Perlawanan antara Pasukan Persatuan Kampong Sultan Lama dengan Pasukan Ikatan Belia Berakas, Brunei bertempat di-Padang Besar Bandar Brunei. Keputusan-nya pasukan Ikatan Belia Berakas Brunei menang dengan 3 gol

berbalas 2.

Pada 24 April, 1966: Perlawanan persahabatan antara Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei dengan pasukan Persatuan Kampong Sumbiling bertempat di-Padang Bandar Brunei. Keputusan-nya Pasukan Kampong Sumbiling menang dengan 5 gol berbalas 3.

Ini-lah satu pemandangan Temasha Sokan Sekolah2 Melayu, Bahagian Tutong II di-Padang Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjong Maya dalam bulan ini.



SOKAN SEKOLAH2 MELAYU

(Sambongan Minggu Lalu)

(c) **CHAMPORAN MATA KEMENANGAN:**

Pertama: Pasukan Sekolah Melayu Pengkalan Batu mendapat 111 mata.

Kedua: Pasukan Sekolah Melayu Pulau Berbunut mendapat 98 mata.

Ketiga: Pasukan Sekolah Melayu Lumapas mendapat 51 mata.

(4) **PADA 17 APRIL, 1966:** Perlawanan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong, bertempat di-padang Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar. Sabanyak 12 buah Sekolah yang masuk bertanding. Ramai peserta: 142 orang laki2 dan 75 orang perempuan, berjumlah 217 orang yang mengambil bahagian.

Pegawai Daerah Temburong Pengiran Syed Shahminan telah menerima barisan kehormatan dari pasukan2 yang mengambil bahagian sa-bagai pembukaan temasha sokan dan beliau juga menyampai-

kan hadiah2 rebutan kepada pasukan2 yang berjaya.

Keputusan perlawanan ada-lah seperti berikut:—

(a) **KUMPULAN LAKI2:**

Pertama: Pasukan Sekolah Melayu Sultan Hasan mendapat 112 mata.

Kedua: Pasukan Sekolah Melayu Kinua mendapat 37 mata.

Ketiga: Pasukan Sekolah Melayu Belais mendapat 33 mata.

(b) **KUMPULAN PEREMPUAN:**

Pertama: Pasukan Sekolah Melayu Kinua mendapat 44 mata.

Kedua: Pasukan Sekolah Melayu Sultan Hasan mendapat 29 mata.

Ketiga: Pasukan Sekolah Melayu Piasau2 mendapat 10 mata.

(c) **CHAMPORAN MATA KEMENANGAN:**

Pertama: Pasukan Sekolah Melayu Sultan Hasan mendapat 131 mata.

Kedua: Pasukan Sekolah Melayu Kinua mendapat 81 mata.

Ketiga: Pasukan Sekolah Melayu Belais mendapat 36 mata.



Isteri Awang Mohamed Hussain bin Mohamed Yusof, Penolong Pengusaha Pelajaran Melayu Brunei, kelihatan dalam gambar ini me-

nyampaikan hadiah kepada sa-orang pemenang di-temasha Sokan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei baru2 ini.

Persediaan² Khas Di-Adakan Untuk Menjamin Keselamatan Jema'ah² Haji Yang Akan Balek Dari Tanah Suci

BANDAR BRUNEI. — Persediaan² khas mengenai keselamatan akan di-ambil di-Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei pada hari Juma'at 29 April untuk menjamin supaya 187 orang jema'ah haji akan turun dari kapal dengan selamat-nya, sekembali-nya mereka ka-tanah ayer sa-telah menunaikan fardhu haji di-Mekkah.

Pulis² yang berpakaian seragam akan diperintahkan bertugas di-tambatan tersebut untuk mengawal saudara mara yang mungkin akan berebut² untuk mengalu²-kan kembali-nya jema'ah haji dan untuk memberikan arahan² kepada lalu lintas guna menche-gah jalan² raya yang menuju ka-tambatan.

Mereka akan turut membantu jema'ah haji untuk menyenangkan kebiasaan² imigresen dan kastam yang sa-patut-nya mereka tempoh sa-hingga pemergian mereka dari tambatan ka-rumah masing².

Saorang juruchakap pulis berkata, persediaan² keselamatan telah juga di-ator untuk memberikan keselamatan dan kawalan kepada kenderaan² jabatan laut yang digunakan untuk mengangkut jema'ah haji dari Labuan ka-Brunei.

Jema'ah haji di-jangka akan turun dari kapal *Anshun* di-Labuan pada petang 29 April dan akan tiba di-Brunei lewat petang hari itu juga.

Mereka akan di-hantar oleh empat buah kapal Jabatan Laut, ia-itu *Bolkiah*, *Sultan*, *Lela Menchanai* dan *Muara*. Dua buah kapal pengangkut, *Nakhoda Manis* dan *Pemancha* akan di-gunakan sebagai kapal² untuk mengiring dan mengangkut barang².

Juruchakap itu berkata, dari pukul 3-00 petang 29 April sa-hingga tambatan itu telah lengang dari jema'ah haji dan orang ramai yang mengalu²kan mereka, beberapa jalan raya menuju ka-tambatan tersebut akan di-tutup buat lalu lintas

Jalan² itu ia-lah Jalan McArthur, Jalan Sultan, Jalan Cator, Jalan Chevalier dan Jalan Roberts.

Pintu keluar tambatan tersebut akan di-tutup dari pukul 3 petang untuk menche-gah kemasokan orang ramai yang berjalan kaki dan kenderaan yang tidak mendapat kebenaran.

ABDUL WAHAB
ABDUL WAHID
ABDUL WAHOOB
DI-LAHIRKAN

KUALA LUMPUR. — Sa-orang perempuan Melayu bernama *Che Hanifah binte Mohamed Abdul Rahman*, berumur 24 tahun, isteri sa-orang bekas anggota *Pulis Khas Isa bin Arshad*, telah melahirkan tiga orang anak kembar di-Kuala Lumpur pada petang hari Juma'at yang lalu.

Ketiga² orang anak kembar itu, berat-nya antara 3 dan 4 pound sa-saorang, telah di-lahirkan ketika ibu mereka mengandung hanya selama tujuh bulan. Mereka di-berikan nama *Abdul Wahab*, *Abdul Wahid* dan *Abdul Wahoob*.





Sandiwaru Purbawara berjodol "*Titisan Darah Terakhir*", arahan *Abdul Saman Kahar* yang telah dipersembahkan oleh Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sebagai menyambut kelahiran awal Tahun Baru Islam di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada malam Juma'at yang lalu, telah memperolehi sambutan yang baik dari kalangan para penonton.

Gambar ini di-ambil di-temasha Sandiwaru Purbawara itu. Di-kiri

ia-lah *Awangku Badaruddin bin Pengiran Haji Damit* yang berlakon sa-bagai Dato Penglima dan di-kanan ia-lah *Malai Hamidah S. Nikman* yang mengambil peranan sa-bagai Dang Siti.

Satu pemandangan Balai Raya Amo di-Daerah Temburong. Balai Raya ini telah di-buka dengan rasmi-nya baru² ini oleh Penulong Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang.



Lebeh dari 300 orang Pengakap² dari Daerah Brunei dan Tutong telah mengambil bahagian di-temasha Perkhemahan Pengakap di-Pantai Peranginan Muara selama tiga hari mulai pada hari Juma'at 22 April, 1966. Pengerusi Persekutuan Pengakap Negara, *Awang Norman Bradbury* telah merasmikan temasha Perkhemahan Pengakap tersebut pada pagi hari Sabtu 23 April. Dalam gambar ini kelihatan sa-bilangan daripada Pengakap² tersebut pada masa di-adakan Majlis Pembukaan Rasmi Perkhemahan Pengakap di-Pantai Muara pada hari Sabtu yang lalu.